



**PERBADANAN KEMAJUAN PERUMAHAN NEGERI JOHOR
ARAS 1 & 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK
KOTA ISKANDAR 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor seperti maklumat berikut :-

1. SKIM PERKHIDMATAN	: PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
GRED / JADUAL GAJI	: N1

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

KEKOSONGAN : 6 KEKOSONGAN

- 1.1. SYARAT LANTIKAN WAJIB** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 1.2. SYARAT LANTIKAN**
- a) i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
 - ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00)
 - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,622.00)
- 1.3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU LANTIKAN** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 1.4. SYARAT TAMBAHAN**
- a. Mahir menggunakan perisian Microsoft Office (Word, Excel, PowerPoint).
 - b. Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

- c. Berkebolehan bekerja secara berpasukan, proaktif, dan boleh menerima arahan serta tugas pelbagai.
 - d. Mempunyai tahap kesihatan fizikal dan mental yang baik.
 - e. Mahir dalam penggunaan platform media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok, serta pengurusan media sosial.
- 1.1. SENARAI BIDANG BERKAITAN DI PERINGKAT SKM** Sila rujuk senarai bidang berkaitan di peringkat SKM yang diperakukan bersesuaian mengikut skim perkhidmatan di Laman Web EZSkim (pautan: <https://www.interactive.jpa.gov.my/ezskim/>).
- 1.2. MAKLUMAT TAMBAHAN** Pemohon dengan kelayakan SKM hendaklah mendaftarkan kelayakan tersebut di dalam Sistem SPA9 melalui menu “Maklumat Pemohon” -> “Maklumat Kelayakan Akademik” -> “SKM”.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

KAEDAH PERMOHONAN

- a) Permohonan jawatan adalah secara “online” dan pemohon boleh memohon di laman sesawang <https://jawatan.johor.gov.my/>
- b) Pemohon dikehendaki mengisi maklumat dengan lengkap dan memuat naik dokumen sokongan semasa memohon jawatan. **Permohonan yang tidak lengkap akan DITOLAK.**

TARIKH PERMOHONAN

07 JULAI 2025 HINGGA 20 JULAI 2025

CATATAN

- a) Hanya calon-calon yang layak setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap sebagai **TIDAK BERJAYA**.
- c) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.